

410 sertai peraduan esei YKP

PERADUAN Esei 2008 anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) yang menyediakan hadiah utama sebuah kereta Chevrolet Aveo telah menerima penyertaan lebih daripada 400 remaja.

Pelbagai idea bernas dilontarkan oleh para remaja berkenaan dalam esei mengenai masa depan Malaysia dan ciri-ciri kepimpinan muda.

Peraduan yang diperkenalkan sejak 2006/2007 itu merupakan yang kedua diadakan dan pada julung kali peraduan tersebut diperkenalkan, pemenang hadiah utama iaitu Mohd Haizal Zainuddin telah membawa pulang sebuah Proton Savvy.

Secara keseluruhannya, YKP telah menerima sebanyak 410 penyertaan dari 85 buah sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Penyertaan bagi Kategori Menengah Atas adalah yang paling banyak diterima dalam peraduan tersebut dan keputusannya akan diumumkan pada bulan depan.

Melalui kategori tersebut para peserta memilih salah satu di antara topik-topik yang disediakan iaitu 'Terangkan apa yang anda fahami tentang kepimpinan serta peranan yang dimainkan oleh pemimpin muda di dalam mencorakkan masa hadapan Malaysia', 'Apakah visi anda untuk Malaysia pada tahun 2057 ketika negara bakal menyambut kemerdekaannya yang ke seratus?' dan 'Huraikan hubungan kait antara budaya, pendidikan dan kepimpinan, serta

faktor-faktor yang anda fikirkan penting di dalam mencorakkan generasi pe-lapis Malaysia'.

Antara syarat penyertaan ialah para pelajar bebas untuk menulis esei dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan penyertaan kali ini menyaksikan penggunaan kedua-dua bahasa.

Setiap esei yang ditulis mestilah dalam lingkungan 1,500 ke 2,000 patah perkataan.

Peraduan Esei ini merupakan sebahagian daripada program pendekatan awam YKP yang terbuka kepada pelajar-pelajar berumur dari 13 sehingga 21 tahun.

Pengarah Eksekutif YKP, **Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob** berkata, pihaknya amat berpuas hati dengan jumlah penyertaan peraduan pada tahun ini yang amat menggalakkan.

"Topik-topiknya mencabar minda pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam mengenai masa depan negara dan kami berharap para pelajar telah mempelajari sesuatu yang baru mengenai negara kita dan menghargai peranan yang mereka memainkan untuk membentuk masa depan negara yang lebih cerah," katanya.

Pihak Yayasan juga berterima kasih kepada para guru, pensyarah, ibu bapa serta para pelajar yang bertungkus-lumus untuk menyertai peraduan pada tahun ini.

Beliau menerangkan bahawa objek-

tif peraduan adalah untuk memupuk minat mengenai sejarah Malaysia dan mencungkil bakat menulis serta penyelidikan di kalangan pelajar.

Sementara itu para hakim yang akan Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dari Universiti Malaya (UM), Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan bekas Pen-garang Business Times, Hardev Kaur.

Esei-esei dinilai berdasarkan tiga kriteria iaitu kualiti penyelidikan, kualiti analisis dan gaya karangan.

Selain hadiah utama tersebut, peraduan itu turut menawarkan hadiah-hadiah seperti wang tunai, Macbook, iPod Nano, telefon bimbit, bauer buku serta peluang kerja di syarikat-syarikat terpilih.

Sebuah kelengkapan komputer juga akan dihadiahkan kepada IPT bagi pemenang hadiah utama dan untuk kategori penyertaan terbanyak.

YKP yang ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai organisasi bukan kerajaan, bertujuan mengumpul bahan-bahan mengenai sejarah kepimpinan Malaysia, menerangkan polisi, strategi serta sumbangan bekas Perdana Menteri Malaysia.

Pihak Yayasan memulihara, mendokumentasi dan menyebarkan bahan-bahan termasuk ucapan-ucapan, ke-ratan akhbar dan artikel majalah yang berkaitan dengan warisan intelektual negara.